




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Hari Pengumuman Keputusan SPM 2025 di SMK Dalat

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin dan Joycelyne Nyandang

Keputusan SPM 2025 diumumkan di seluruh Malaysia pada 31 Mac 2026. UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah turut mengambil peluang untuk menghantar dua orang petugas ke SMK Dalat. Keputusan SPM diumumkan pada jam 10 pagi. Sebelum keputusan diumumkan secara rasmi, wakil dari UiTM dijemput untuk memberikan taklimat ringkas berkenaan program-program yang ditawarkan di kampus Mukah.

Tepat jam 10 pagi, pelajar dapat menyemak keputusan masing-masing melalui sistem atas talian. Suka duka dan tangis tawa dapat dilihat di sekitar dewan sekolah. Pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Dalat iaitu Puan Magdaline Jon menyatakan bahawa terdapat peningkatan ketara dari segi pencapaian pelajar pada tahun 2025 dan beliau turut berasa gembira dengan menyatakan ini merupakan hadiah yang bermakna sebelum persaraan beliau dan Pengetua SMK Dalat iaitu Cikgu Samsul bin Bohari pada tahun ini. Ujar Puan Magdaline, "Kejayaan ini bukanlah usaha dari pihak pelajar sahaja, malah melibatkan pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti sekitar."



Petugas Misi Akademik turut bergambar bersama Pengetua SMK Dalat, Cikgu Samsul bin Bohari serta dua orang guru kaunseling, Cikgu Zulaikha dan Cikgu Anita.

Seterusnya Pengetua SMK Dalat turut membentangkan analisis pencapaian SPM pelajar untuk kohort 2025. Terdapat peningkatan gred purata sekolah dari tahun 2023 iaitu 5.61 dan tahun 2024 iaitu 5.64 kepada 5.37 pada tahun 2025. Cikgu Samsul menerangkan bahawa semakin kecil gred purata sekolah, semakin baguslah pencapaian keputusan SPM pelajar di sesebuah sekolah tersebut. Untuk pencapaian SPM 2025, seramai 11 orang pelajar berjaya memperolehi keputusan 5A sehingga 9A. Adik Christopher Daniel bin Zamery merupakan satu-satunya pelajar yang mendapat keputusan 'straight As' dengan memperoleh 6A+ dan 3A. Cikgu Samsul turut memberikan nasihat terakhir beliau kepada lepasan pelajar SPM 2025 dengan kata-kata "Jadikan kejayaan kecil sebagai ketagihan untuk kejayaan besar."

Selepas pengumuman dan taklimat analisis keputusan tersebut, pelajar, ibu bapa dan guru bergerak ke dewan untuk mengambil slip keputusan dan melawat reruai pempamer dari beberapa institusi yang dijemput seperti UiTM Kampus Mukah, Kolej Laila Taib, Sarawak Skills, dan CENTEXS Mukah. Petugas Misi Akademik di SMK Dalat turut berpeluang untuk bertemu beberapa orang guru yang merupakan alumni UiTM. Mereka menyatakan pandangan bahawa UiTM merupakan institusi yang baik untuk pelajar meneruskan pengajian kerana kos yuran UiTM adalah berpatutan untuk pelajar dari keluarga B40, graduan UiTM mempunyai kebolehpasaran yang tinggi kerana rata-rata graduan UiTM mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris yang baik dan lokasi kampus UiTM Sarawak yang tidak jauh dari kampung halaman masing-masing. Wakil dari UiTM Kampus Mukah turut berbesar hati dengan layanan yang mesra daripada pengetua, guru kaunseling, serta guru-guru lain yang berada di tapak pameran.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

